
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

HTV 201 – TEKNIK BERFIKIR

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan:

1. Tuliskan **NAMA TUTOR DAN PUSAT PENGAJIAN ANDA** di sudut atas bahagian kanan kulit buku jawapan anda. Anda tidak dibenarkan untuk menulis nama dan nombor matrik anda pada kertas jawapan.
2. Kertas ini mengandungi tiga bahagian. Jawab SATU soalan dari bahagian A, SATU soalan dari bahagian B dan SATU soalan dari bahagian C. Sumbangan markah setiap soalan di Bahagian A, B dan C ialah 40 markah, 40 markah dan 20 markah masing-masing.
3. Setiap jawapan tidak boleh melebihi 3 halaman.

Bahagian A

1. Setiap tahun, ramai pengguna menyatakan rasa tidak puas hati terhadap perkhidmatan bas awam. Gunakan:
 - [a] Dua gaya berfikir yang sesuai untuk membincangkan masalah di atas.
 - [b] Cadangkan dan nilaikan cara menyelesaikan masalah ini dengan menggunakan topi berfikir hijau dan hitam.
[40 markah]
2. Ketagihan dadah dan pil khayal di kalangan masyarakat Malaysia terutama sekali remaja semakin meningkat walaupun berbagai kempen kesedaran dijalankan.
 - [a] Gunakan segitiga konsep, janakan sekurang-kurangnya sepuluh [10] idea bagi membendung masalah ini.
 - [b] Ringkaskan idea yang telah anda janakan dalam bentuk peta minda.
[40 markah]

Bahagian B

3. Perabot tempatan perlu memiliki keunikannya yang tersendiri untuk bersaing dengan perabot luar negara. Gunakan pemikiran kreatif melalui analisis dan desain untuk menjadikan perabot Malaysia lebih berdaya saing.
[40 markah]
4. Obesiti dalam kalangan remaja Malaysia semakin meningkat. Hal ini dikatakan berhubung kait dengan jenis makanan yang diamalkan. Anda sebagai seorang penyelidik diminta untuk membuktikan kenyataan ini dengan menggunakan pemikiran saintifik.
[40 markah]

5. Tema Hari Tanpa Tembakau Sedunia pada tahun 2007 adalah Persekitaran Bebas Rokok. Rokok mengandungi lebih 4,000 racun berbahaya dan lebih 50 bahan penyebab kanser. Penyakit serius berkaitan merokok adalah seperti kanser paru-paru, strok dan penyakit saluran darah. Di Malaysia, separuh daripada lelaki dewasa merokok. Manakala bilangan wanita merokok pula semakin meningkat. Setiap hari lebih 50 remaja mula merokok. Perokok amat sukar berhenti kerana nikotin dalam rokok amat menagihkan. Kajian mendapati penagih dadah nikotin lebih sukar berhenti berbanding penagih dadah kokain dan heroin. Kajian juga menunjukkan bahawa bukan perokok yang terdedah kepada asap rokok akan memperolehi penyakit yang sama seperti perokok. Merokok di tempat awam adalah satu fenomena yang serius dan boleh dielakkan. Tingkahlaku merokok di tempat kerja terutama di pusat pengajian tinggi, yang sepatutnya menjadi contoh teladan yang baik, patut ditangani.

Merujuk kepada maklumat di atas, gunakan enam topi berfikir untuk membincangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak pentadbiran di institusi pengajian tinggi untuk mencapai kampus bebas rokok.

[40 markah]

Bahagian C

6. Bincangkan perbezaan ciri-ciri dan kegunaan di antara pemikiran emotif dan pemikiran logikal.

[20 markah]

7. Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan pemikiran lateral.

[20 markah]